

29 JUL 2003

JACTIM-RANCANGAN/I

JACTIM MERANCANG MENINGKATKAN KELEBIHAN INDUSTRI SOKONGAN

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Dewan Perdagangan dan Industri Jepun (JACTIM) menyediakan dua rancangan untuk membantu pembangunan industri di Malaysia dan meningkatkan kelebihan industri sokongan bagi membolehkan mereka bersaing di arena antarabangsa.

Presidennya, Tan Sri Dr K. Suzuki, berkata, program pertama ialah untuk memilih lima syarikat Malaysia yang baik di kalangan pembuat komponen dan bahagian bagi pemindahan pengetahuan dan yang kedua ialah mewujudkan satu bank bakat yang terdiri daripada pakar dan jurutera Jepun untuk membantu industri berkenaan.

Mengenai lima syarikat itu, beliau berkata, ideanya ialah untuk memindahkan pengetahuan dan kelebihan Jepun dalam teknologi, kejuruteraan dan pengurusan kepada syarikat berkenaan untuk membolehkan mereka bersaing di peringkat antarabangsa dalam tempoh setahun.

Bagi bank bakat, kepakaran termasuk juruteknik dan jurutera akan ditempatkan dalam industri sokongan itu, kata Dr Suzuki pada sidang akhbar mengenai misi gabungan pelaburan perniagaan ke Malaysia dari 27-30 Julai.

Dengan diketuai oleh Pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (JETRO), Osamu Watanabe, misi itu turut terdiri 48 orang eksekutif kanan dan wakil lain perniagaan kecil dan sederhana Jepun.

Watanabe berkata, misi itu ialah respons kepada cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan pembangunan industri sokongan tempatan selain sambutan ulang tahun ke-20 JACTIM tahun ini.

Suzuki berkata, kelebihan itu kepada industri Malaysia penting memandangkan kemunculan ancaman China kepada Asean dan Japan.

"Kami tidak menyangka kemunculan China sehebat dan se pantas ini. Kami terperangkap dalam keadaan ini," katanya.

Katanya, syarikat yang selama ini tidak menghadapi masalah di Malaysia kini perlu memikirkan survival mereka dengan kemunculan dan memikirkan untuk berpindah ke sana.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia masih mempunyai kelebihan berbanding China di segi sistem pembuatan.

"Jika ia mengambil sikap tidak apa, kelebihan itu akan hilang dalam tempoh dua tahun apabila China dapat mengatasinya," katanya.

Dengan menyedari mereka mempunyai dua tahun untuk mengukuhkan kelebihan Malaysia dan memperbaiki kelemahannya, katanya JACTIM telah merangka dua rancangan.

Yang utama ialah untuk mengukuhkan industri sokongannya bagi pembuatan, khususnya komponen dan bahagian untuk mencapai tahap antarabangsa.

Dengan mempunyai kelebihan ini, katanya Malaysia dapat bersedia untuk wujud dan makmur bersama-sama China.

Sementara itu, Watanabe berkata, pelaburan Jepun di dalam industri pembuatan di Malaysia menurun 82.6 peratus kepada RM587.4 juta dalam 2002 disebabkan kebimbangan mengenai kemunculan China. Bagaimanapun angka pelaburan itu meningkat antara Jan dan Mac 2003 sebanyak 16.3 kali.

"Kelonggaran sekatan nisbah pelaburan modal asing yang diumumkan dalam Jun tahun ini serta Perjanjian Perkongsian Ekonomi Jepun-Malaysia (JMEPA) yang sedang dipertimbangkan meningkatkan harapan kajian semula pelaburan Jepun di Malaysia," katanya.

Beliau memberi jaminan bahawa Jepun akan terus melabur kerana 60 peratus daripada 545 ahli JACTIM terbabit dalam sektor pembuatan automotif, elektrik dan elektronik.

Watanabe berkata, delegasi itu telah menemui Dr Mahathir, timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz ketika lawatan itu.

Antara yang dibincangkan dengan Perdana menteri termasuk pembangunan sumber manusia, kelembapan kemajuan perisian dan projek kereta nasional. --
BERNAMA

SHO TJK AHM